

☒ Harian Metro
☐ Metro Ahad
Tarikh: 8/6/2012
Hari: Jumaat M/S: 4
Ruangan: METRO PLUS

'Usah tanggung'

Bijak urus masa bantu disiplinkan mahasiswa buru kejayaan

>>Oleh Muhammad Saufi Hassan
sauti@hmetro.com.my

SINTOK: "Bijak membahagikan masa kunci kejayaan saya kerana pengurusan masa amat penting bagi seorang mahasiswa disebabkan mampu mengajar mendisiplinkan diri," kata Ku Amirul Faiz Ku Seman, 23, yang merangkul Anugerah Siswa Terbaik Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Anugerah itu antara 20 kategori dalam Anugerah Kerana Jasa (AKJ) UUM 2011 yang memberi pengiktirafan di atas sumbangan mahasiswa terutama mereka bergiat aktif dalam persatuan dan pertubuhan pelajar.

Ku Amirul Faiz berkata, setiap mahasiswa mempunyai cara belajar tersendiri seperti jadual belajar khusus untuk mengulang kaji subjek tertentu, namun cara terbaik adalah tidak menangguhkan sebarang kerja.

"Saya mengamalkan cara tidak menangguhkan kerja sejak menjawat jawatan sebagai Timbalan Exco Biro Kepimpinan dan Komuniti Jawatankuasa Pembangunan Mahasiswa, Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Bank Rakyat sehingga menjadi Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

"Menjawat sesuatu jawatan memerlukan mahasiswa terabit bijak menguruskan masa berikutan ada tugas secara mengejut tanpa diduga. Oleh itu, tugas di kelas perlu diselesaikan dengan segera tanpa perlu bertangguh," katanya.

Katanya, dia yang bercita-cita menjadi peguam perlu bijak

membuat keputusan dalam mengutamakan setiap tugas terutama melihat kepentingan sesuatu tugas berkenaan.

Bagi siswi terbaik pula, Noor Nazatul Azira Shahidan, 23, rahsia kejayaannya memperbanyakkan membaca al-Quran dan solat hajat serta solat tahajud supaya diberikan kekuatan dalam setiap urusan terutamanya sebagai seorang mahasiswa.

"Selain mendekatkan diri kepada Allah, saya turut membahagikan masa dengan sebaik-baiknya di samping membuat perancangan awal antara masa belajar dengan kegiatan luar.

"Tidak dinafikan kadangkala masa banyak tertumpu kegiatan luar, namun masa belajar tidak sama sekali diabaikan. Saya akan luangkan masa untuk belajar pada waktu tengah malam kerana waktu itu sangat tenang untuk belajar," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, majlis pengiktirafan AKJ dibuat pada setiap tahun dan menjadi acara tradisi universiti khusus untuk mengiktiraf sumbangan pelajar.

Katanya, penganugerahan itu dibuat bertujuan memberi galakan, motivasi dan mencetuskan semangat baru di kalangan pelajar lain untuk terus bersaing demi kebaikan.

"Saya ingin menegaskan aktiviti mahasiswa bukan hanya untuk mengisi masa lapang tetapi lebih penting adalah menyumbang kepada falsafah dan dasar pendidikan negara," katanya.